

Surat kepada **REMAJA**



**WAWASAN
PENABUR**

Surat kepada Remaja

Ibu bapa dibenarkan mengintai

Tajuk	: Surat kepada Remaja
Penulis	: Lee Bee Teik ©2004
Penterjemah	: Chee Ooi Chin
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr. Lee Bee Teik ialah pengasas dan direktor untuk Pelayanan Reconre (www.reconre.org). Beliau adalah seorang doktor perubatan terlatih tetapi mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya perubatan bagi mendampingi sepenuh masa anak-anaknya membesar. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan melayani hamba-hamba penuh masa Tuhan melalui pelayanan kaunseling dan retreat. Dr. Lee juga giat dalam pelatihan kaunseling bimbingan dan nasihat, serta memfasilitasi seminar & retreat peribadi atau kelompok kecil. Beliau adalah isteri Bishop (Dr.) Hwa Yung dari Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa.

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara/bentuk apa-apa sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/pengarang kecuali petikan ringkas yang tertentu dalam artikel/risalah dan ulasan.

Surat kepada Remaja

Ibu Bapa Dibenarkan Mengintai

Shalom sahabatku,

Kamu mungkin berumur antara 11 hingga 19 tahun. Ada di antara kamu yang dilahirkan ke dalam dunia yang semakin maju ini sebelum komputer peribadi menjadi satu yang lumrah dalam keluarga di Malaysia. Yang lain dilahirkan dalam persekitaran sosial dan teknologi yang serba canggih. Kita semua membesar (atau menjadi tua) pada zaman dunia yang kian mengecil tetapi berubah dengan kadar yang jauh lebih cepat.

Namun begitu, saya beranggapan bahawa sama seperti kebanyakan orang yang lebih tua, kemungkinan kamu tidak sedar akan perkara ini. Mengapakah begitu? Ini adalah kerana kamu cuma nampak keadaan sekarang sahaja. Pada tahun 2001, seorang remaja yang berumur 18 tahun memberi komen tentang dua orang budak nakal yang berumur 5 dan 6 tahun yang dia perhatikan:

“Budak-budak ini agak berbeza daripada rakan sebaya saya semasa kami seumur dengan mereka.”

Secara peribadi, semasa saya berumur lewat dua puluhan, saya berpendapat bahawa rakyat Malaysia telah

berubah sangat pantas antara tahun 1971 hingga 1980. Saya telah meninggalkan Malaysia pada umur 18 tahun untuk melanjutkan pelajaran dan seterusnya bekerja. Saya kembali ke Malaysia sepuluh tahun kemudian sebagai orang dewasa. Saya mempunyai masa dan ruang untuk merenungi perubahan yang berlaku di tanah air saya.

Pada masa itu saya dan suami belum ada anak. Saya banyak belajar dengan merenungi kebahagiaan yang dikecapi dan kesilapan yang dilakukan pada zaman remaja saya di Pulau Pinang pada tahun 60-an. Apabila saya menjadi seorang ibu, saya begitu sibuk membesarkan 3 orang anak. Oleh yang demikian, saya kurang berinteraksi dengan remaja sehinggalah anak-anak saya sendiri meningkat remaja.

Anak-anak saya dilahirkan antara tahun 1983 hingga 1988. Bagaimanapun, setiap mereka menjadi remaja dengan cepat sekali dalam tempoh 5 tahun sejak pertengahan tahun 90-an. Bagi saya, perkembangan mereka seperti perubahan mengejut yang terus-menerus. Setiap anak saya berubah sebegitu banyak secara bergilir-gilir sehingga saya tidak ada masa tenang antara angin anak-anak yang bergolak dengan perubahan hormon mereka yang turun naik. Saya rindu akan masa yang lebih santai dan bahagia ketika saya dapat memberikan perhatian yang cukup kepada setiap mereka pada satu-satu masa atau kepada ketiga-tiganya sekali gus. Cara berkomunikasi seperti ini tidak diterima sekarang. Pandangan mereka semakin menuntut perhatian ibu bapa untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan kegiatan dan masa mereka.

Kini, saya sentiasa perlu berhadapan dengan riuh rendah muzik pilihan mereka dan sembang mereka tentang rakan-rakan di sekolah sebaik sahaja mereka masuk ke ruang makan. Kadang-kadang saya selaku ibu seolah-olah tidak wujud lagi. Selain itu, mereka bergayut pada gagang telefon untuk tempoh yang lama. Pakaian mereka pula ditinggalkan di merata-rata sudut dan dilupakan begitu sahaja. berkali-kali saya terpaksa melihat dunia melalui pandangan mata mereka. Pengalaman untuk mempertimbangkan sesuatu itu semula bukan sahaja menimbulkan rasa aneh dan penghiburan kepada saya, tetapi juga direndahkan hati. Saya tidak boleh lagi menganggap pandangan ibu saya dan kebanyakan nenek-nenek kamu sebagai satu kebenaran. Contohnya...

“Mengapakah kamu tidak boleh menjadi seperti ayah dan ibu ketika ayah dan ibu masih muda seperti kamu? Kami begitu patuh walaupun dalam hati kami sangat marah! Itu tidak memburukkan keadaan tetapi membuat kami menjadi lebih berdisiplin dalam hidup!”

Tetapi dunia sudah berubah sekarang. Itu tidak boleh dipakai untuk kamu dan rakan sebayamu. Kami mungkin lebih serius dan taat kepada ibu bapa. Sungguhpun ibu bapa kami salah, kami lebih bersedia untuk patuh kerana kami menghormati orang yang lebih tua. Tetapi sebelum saya membuat kamu marah atau berfikir bahawa saya tidak mengambil tahu tentang kamu, biarlah saya menulis beberapa pemerhatian dan rumusan saya tentang orang muda di negara kita pada hari ini. Saya mahu kamu tahu

bahawa saya dan ramai lagi orang dewasa yang sebaya atau lebih tua daripada ibu bapa kamu, sememangnya ada berfikir tentang kamu. Kami cuba sedaya upaya untuk memahami kamu. Kami juga berikhtiar supaya kamu memahami kami.... meskipun kerap kali kami tidak sependapat dengan kamu. Manusia tetap manusia walaupun mereka tidak sependapat. Oleh yang demikian, tolonglah pinjamkan saya mata kamu yang celik internet dan telinga kamu yang celik muzik. Di sinilah kita bermula...

Beberapa Pemerhatian

1 Orang muda mempunyai lebih banyak sumber kebendaan berbanding dengan 10-15 tahun yang lalu. Ini mungkin berpunca daripada kemewahan ekonomi pada tahun 90-an di Malaysia. Walaupun ekonomi telah meleset, barangan yang dinikmati oleh pengguna pada masa tersebut masih dapat dinikmati pada hari ini. Oleh itu, mereka yang dilahirkan pada tahun 80-an seperti anak-anak saya berasa berlainan daripada mereka yang dilahirkan pada tahun 90-an... apatah lagi dengan kemajuan teknologi di negara kita sejak tahun 90-an.

Anak lelaki saya yang dilahirkan pada tahun 1983 cuma ada televisyen dan buku ilmu pengetahuan untuk menghiburkannya semasa di tadika. Apabila dia pergi ke sekolah rendah, dia menggunakan komputer peribadi, dan semasa dia di sekolah menengah, dunia sudah tiada sempadan baginya melalui perkhidmatan internet. Akhirnya, dengan sedikit pertolongan, saya juga belajar untuk mengirim dan

menerima e-mel daripada 5 orang adik-beradik saya dari luar negara. Kami tidak tinggal di negara yang sama sejak tahun 50-an dan 60-an. Saya sangat merindui mereka. Surat melalui pos mengambil masa yang terlalu lama dan panggilan telefon terlalu mahal. Tetapi pada hari itu kerinduan saya terhadap mereka lenyap begitu saja! Internet telah merapatkan kami kerana kami dapat berhubung dengan cara yang lebih pantas. Untuk seketika saya sungguh gembira dan tidak berhenti-henti bersyukur kepada Tuhan atas anugerah teknologi elektronik yang ajaib tersebut.

2 Wang telah membawa kemajuan teknologi dan memudahkan barangan harian dibeli. Tanpa televisyen, kita tidak akan tahu tentang orang yang lebih berada daripada kita. Tanpa internet, kita tidak akan memperoleh barangan dengan secepat. Kehendak hawa nafsu dan kebendaan dapat dipuaskan dengan mudah sekarang – kadangkala terlalu cepat untuk dikawal dengan baik/cermat oleh manusia yang kurang bijaksana.


3 Namun demikian, kepantasan menyebabkan komunikasi menjadi dangkal untuk kebanyakan orang. Mengapakah kita perlu memikirkan isu kewujudan manusia yang lebih rumit, atau maksud kehidupan? Mengapa harus bimbang? Kita mungkin akan mati bila-bila masa... apatah lagi dengan kesan El Nino di merata dunia, serangan pengganas pada bila-bila sahaja, penyakit AIDS yang dahulunya kurang diketahui di negara kita, barah, jangkitan streptokokal yang memakan tubuh

manusia, dan kemalangan langgar lari yang disebabkan oleh pemandu cuai. Selagi keinginan yang nyata pada hari ini dipenuhi,

“Siapa peduli! Kita tidak perlu risau tentang esok.”

Penyataan di atas ialah satu penyelewengan besar daripada maksud sebenar penyataan Yesus:

“Siapakah antara kamu dapat memanjangkan umur walaupun sedikit dengan mengkhawatiri hidupnya?” (Matius 6:27)

 Pada akhir tahun 60-an saya pernah mendengar ayah saya membaca surat khabar kepada ibu saya. Ayah berasa geli hati dengan berita bahawa lepasan sekolah menengah bekerja sebagai tukang sapu di bandar-bandar raya Jepun. Pada masa itu di Malaysia sijil pelajaran tingkatan 3 atau 5 sudah cukup untuk membolehkan seseorang mendapat kerja yang agak baik di pejabat tanpa mengira dia berpendidikan Melayu, Cina atau Inggeris.

Pada waktu itu, jika kamu dapat memasuki Universiti Malaya, kamu akan dipandang tinggi sebagai seorang yang berjaya. Seluruh keluarga dan komuniti tempatan (seperti sekolah, masyarakat, kampung atau tempat

ibadat) akan bergembira dengan ibu bapa kamu yang bangga. Kamu sangat dihormati jika kamu menjadi seorang guru. Menjadi jururawat juga sesuai walaupun ada ibu bapa yang menganggap pekerjaan itu sebagai suatu pekerjaan yang kotor. Sekurang-kurangnya pekerjaan itu menunjukkan bahawa kamu sudi menjaga orang yang sakit, sesuatu pekerjaan yang dianggap sangat mulia pada masa itu dan juga pada hari ini. Selain itu, jururawat juga dikatakan akan menjadi seorang isteri yang baik kerana mereka tidak mudah cemas atau panik semasa berlaku kemalangan di rumah! Tambahan pula, peluang kamu untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara juga terbuka.

“Wah, kamu ini pandai! Senang mencari isteri atau suamilah... tetapi mesti juga berkahwin dengan seseorang yang belajar di luar negara atau lebih kaya daripada keluarga kamu! Kamu sangat bernilai kepada ibu bapa kamu...”

5 Kesabaran dan rendah hati telah menjadi sinonim dengan kelembaban. Keprihatinan atau kepekaan kepada keperluan jiran tetangga mungkin menyebabkan lelaki yang baik dan sopan digelar sebagai “pondan!” Rasa hormat terhadap pihak atasan di tempat kerja nampaknya sudah merosot melainkan majikan kamu menawarkan gaji yang amat lumayan! Jika kamu merupakan orang yang lebih intelektual (berfikiran logic), kamu akan lebih dihormati dan diterima daripada orang

yang lebih beremosi atau berbelas kasihan. Kamu akan memanjat tangga korporat dan sosial lebih cepat biarpun hidup kamu dan hidup keluarga kamu terganggu.

6 Kesetiaan kepada orang atau syarikat juga semakin merosot. Tiada institusi termasuk keluarga, sekolah bahkan organisasi keagamaan terlepas daripada rasa megah terhadap cita-cita dan pencapaian peribadi. Unsur individualisme atau sifat mementingkan diri telah mendatangkan kesan yang amat teruk kepada kita. Andainya kamu tidak puas hati dengan gaji kamu, kamu menukar kerja. Andainya kamu tidak suka paderi atau pastor kamu, kamu tukar ke gereja yang lain. Kamu kurang senang dengan ibu bapa, maka kamu menjawab mereka balik, tidak kembali ke rumah, atau usir mereka ke rumah penjagaan orang tua atau yang lebih mudah, tinggalkan mereka tanpa alamat di hospital. Tak suka akan rupa kamu, buat pembedahan plastik/kosmetik. Kamu tidak suka akan bayi kamu, buang saja dia. Kamu tidak suka akan kelakuan suami atau isteri, cari pasangan yang baharu! Pemerhatian ini tidak memerlukan bukti kerana gejala sedemikian telah dipaparkan dengan meluas melalui media massa.

7 Golongan muda kini telah menjadi bukan tidak berakhlak/bermoral tetapi "tunamoral", iaitu tidak mengikut prinsip-prinsip akhlak. Mereka tidak akan mengetahui perbezaannya sekiranya mereka tidak diajar tentang keakhlakan semasa mereka tumbes. Ada negara tertentu di Barat di mana penduduknya telah

mengalami pergolakan peribadi dan sosial selama berpuluh-puluh tahun. Pergolakan tersebut tidak dapat dipulihkan lagi melainkan berlakunya suatu mukjizat. Mereka tidak kisah tentang peraturan selagi mereka hidup sihat dan mewah.

Persoalannya, jika seseorang hidup tanpa mengikut prinsip-prinsip akhlak, adakah dia betul-betul tiada akhlak atau dia tidak memerlukan akhlak? Ataupun orang tersebut jahat?

Jika keakhlakan wujud, bagaimanakah seorang yang tidak mengikut prinsip-prinsip akhlak berhubung atau berinteraksi dengan seorang yang berakhlak?

Adakah tidak berakhlak lebih baik atau lebih buruk ataupun sama sahaja daripada tidak mengikut prinsip-prinsip akhlak pada hari ini dan pada jangka panjang? (Baca juga *Kebebasan dan Keakhlakan* dalam Siri Bimbingan Remaja ini)

GKeuntungan kewangan (wang sebagai satu simbol kekuasaan, status atau keperluan) telah menjadi motivasi dan matlamat untuk banyak kegiatan sama ada dalam keluarga, institusi keagamaan ataupun persatuan. Akhir-akhir ini kasih akan wang mempengaruhi individu dan merebak kepada keluarga, institusi dan seluruh komuniti lebih cepat daripada kebakaran belukar yang paling dahsyat di dunia.

Ketika saya berumur lebih kurang dengan kamu, saya

tidak dapat melihat muslihat yang menghalala kepada dosa ini. Tetapi kini, saya terpaksa menerima hakikat bahawa *kasih akan wang* sesungguhnya ialah punca segala kejahatan.

Apakah yang dilambangkan oleh wang? Wang hanyalah satu perantaraan untuk menukar barangan yang kita perlukan. Tetapi jika tiada, kita boleh menukar dengan orang lain yang ada barangan tersebut yang sudi memberikannya kepada kita jika kita memberinya sesuatu yang diperlukannya. Perhatikan bahawa saya menggunakan perkataan "*keperluan*" dan bukan "*kehendak*" untuk menjelaskan bahawa wang dengan sendirinya tidak jahat. Wang sebenarnya agak neutral. Apabila kita menghendaki wang dengan cara apa-apa jua sekalipun itulah yang membuat ketagihan akan wang menjadi salah.

Jangkaan Penting yang Telah Ditentukan oleh Allah Pencipta Yang Benar dan Suci

Saya percaya bahawa jangkaan asas ini tidak banyak dan dapat dilaksanakan walaupun ramai orang salah faham akan tujuan Allah dan cuba lari jauh-jauh daripada kasih-Nya. Jikalau jangkaan ini tidak dapat dilaksanakan dan Tuhan tahu bahawa kita tidak sempurna, bagaimanakah Allah yang baik dan berbelas kasihan mahu kita hidup seperti yang dirancang dan dikehendaki-Nya? Adakah kita betul-betul percaya kepada Tuhan yang mempunyai matlamat untuk hidup kita dan Dia berniat baik dan bukannya berniat buruk untuk kita?

Berikut adalah beberapa aspek tentang siapa Allah dan siapa kita. Butir-butir khusus akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam Siri Bimbingan Remaja yang lain:

Kemanusiaan Kita Datang daripada Keperibadian Allah "Andaian dan Kerangka"

- Allah ialah Tuhan ketertiban/keteraturan dan bukan kacau-bilau.
- Allah maha pengasih.
- Tuhan tidak memaksa kita untuk mengasihi-Nya kerana Dia memberi kita kebebasan untuk memilih. Allah maha berkuasa dan telah melakukan semua yang diperlukan untuk kita kembali kepada kasih-Nya dan ciptaan-Nya yang teratur.

Jantina Kita

- Manusia dicipta dalam dua jantina yang asas: lelaki atau perempuan yang sepenuhnya sebelum kejatuhan manusia ke dalam dosa seperti yang dicatat dalam Kejadian 2. Ini adalah untuk mencerminkan keperibadian Allah Tritunggal yang sempurna (Allah Bapa, Allah Putera dan Allah Roh Kudus).
- Kesilapan berlaku terhadap keperibadian dan peranan jantina selepas dosa masuk ke dunia kerana

manusia cuba menjadi seperti Tuhan.

- Allah Bapa mencipta manusia semula mengikut rancangan asal-Nya dan hasrat-Nya untuk kita. Allah mahu kita menjadi seperti Anak-Nya Yesus yang bersatu dengan-Nya sebagai Allah Tritunggal (Tiga Personafikasi dalam Satu Kesatuan pemikiran, kata dan perlakuan yang tidak berubah)

Zaman Kanak-Kanak Kita

- Kanak-kanak telah ditentukan oleh Allah untuk percaya dan patuh dengan penuh kasih sayang kepada ibu bapa supaya mereka dapat belajar untuk percaya dan patuh dengan penuh kasih sayang kepada Tuhan yang mencipta mereka.
- Sungguhpun ibu bapa dan anak-anak mengecewakan Allah, matlamat asal Allah untuk mereka masih tetap sama.
- Allah, Bapa kita yang kekal, telah melaksanakan dan akan terus melaksanakan segala-galanya untuk membawa kita kembali kepada keluarga-Nya yang penuh dengan kebenaran dan kasih kurnia, ketertiban, matlamat dan sukacita; di imana takut hanyalah kepada akan Tuhan yang mengasihi kita. Takut ialah permulaan untuk kebijaksanaan (kebolehan menggunakan ilmu yang kita miliki mengikut peraturan penciptaan Tuhan demi kebaikan kita)! Di sini takut yang dimaksudkan bukanlah sesuatu yang menakutkan kita kerana murka Allah, tetapi lebih kepada rasa hormat dan kagum kepada Tuhan.

- Jika pada satu-satu ketika seorang anak perlu patuh kepada Tuhan dan bukan kepada ibu bapanya, perkara ini harus dilakukan dengan hati yang sangat berat dan bukan kerana keinginan untuk berdikari atau bebas. Dalam keadaan yang biasa keputusan untuk tidak patuh kepada Tuhan adalah jarang-jarang sekali. Jika kita sabar menunggu masa untuk mentaati Yesus dengan sepenuhnya dalam sesuatu perkara, kita akan lebih memenangi hati ibu bapa daripada kita tidak taat secara terburu-buru. Perbuatan itu kelihatan seperti penderhakaan yang terus terang. Tuhan gembira apabila kita tunduk dan patuh kepada ibu bapa kita supaya kita belajar untuk tunduk kepada-Nya. Beritahulah Dia tentang semua pergelutan kamu dan mintalah hikmah-Nya setiap hari untuk menjalani hidup untuk-Nya sahaja. Allah lebih menyelami niat hati kita daripada kita pergi ke gereja atau tidak. Tuhan akan mencari jalan keluar untuk kita yang memberi kemuliaan/hormat kepada-Nya dan ibu bapa kita jika kita memohon pertolongan-Nya. Biasanya ini adalah melalui orang lain yang mengambil berat tentang kita.

Contohnya, pada tahun 60-an seorang pelajar perempuan Tingkatan 4 telah percaya kepada Yesus Kristus setelah menyertai Persaudaraan Kristian di sekolahnya. Dia tidak dibenarkan untuk membawa rakannya yang beragama Kristian ke rumahnya atau menghadiri perjumpaan Kristian. Namun begitu, dia tetap taat dan setia kepada kedua-dua ibu bapanya dan Tuhan sehingga dia mencapai umur 21 tahun. Bagaimana? Dia duduk di taman rekreasi awam untuk membaca Alkitab dan berdoa kepada Tuhan setiap

pagi sebelum pergi ke perhentian bas untuk menaiki bas ke sekolah. (Catatan: pada zaman itu taman rekreasi awam masih selamat dibandingkan dengan hari ini...jika kamu perlu berbuat sedemikian juga, carilah tempat yang selamat.)

Perkahwinan/Pernikahan Kita

- Perkahwinan di dunia antara seorang lelaki dengan seorang perempuan adalah untuk mengajar kita cara hidup sebagai Pengantin Kristus kelak.
- Perkahwinan bukan setakat untuk alam percintaan atau beranak-cucu sahaja.
- Kegiatan perhubungan seks ialah cara untuk memenuhi matlamat Allah bagi perkahwinan. Ia bukan lesen untuk melakukan perhubungan seks dengan pasangan/orang lain sama ada sementara atau kekal. Allah memberi kita kebebasan untuk memilih orang yang akan kita kahwini (melainkan ada sebab khusus untuk mengahwini orang tertentu) dan kita perlu hidup bersama-sama dengan pasangan kita selagi hayat di-kandung badan di bumi ini tidak kira senang atau susah.
- Selepas berkahwin, kecuali keganasan rumah tangga yang harus dielakkan, pertembungan personaliti atau ketiadaan nafkah batin bukan lesen untuk bercerai kerana komitmen untuk menjaga satu sama lain sudah dibuat.

Walau bagaimanapun, kita belum sempurna tanpa penye-

lamatan akhir daripada Allah melalui pengorbanan Yesus di kayu salib untuk kita. Tuhan tahu bahawa kadang-kadang perceraian merupakan kejahatan yang lebih kecil daripada dua kejahatan yang wujud. Tuhan membenarkan perceraian seperti yang dinasihati oleh Nabi Musa dalam Perjanjian Lama. Itulah sebabnya keputusan untuk bercerai harus dibuat dengan hati yang sangat berat dan bukan untuk menyenangkan diri. Mengapa? Hal ini dikatakan demikian kerana akhirnya, kita perlu mengutamakan Kristus dan bukan mementingkan diri. Alkitab meminta kita menyahkan kehendak diri supaya hidup Kristus akan tumbuh dalam kita demi kemuliaan Allah dan kebaikan kita. Selain itu, emosi anak akan lebih terjamin dengan adanya ibu bapa yang komited antara satu sama lain, meskipun itu hanya demi kepentingan anak.

Selama berpuluh-puluh tahun psikologi sekular (yang berakar umbi pada zaman perkembangan ilmu pengetahuan Barat) telah mempengaruhi kita untuk mempercayai dan mengaplikasikan hipotesis serta teori yang mendatangkan kesan yang amat buruk kepada individu, keluarga dan masyarakat. Satu daripadanya ialah setiap lelaki atau wanita mesti memuaskan hati sendiri dengan apa-apa cara juga kerana 'hanya yang paling kuat yang akan bertahan' (mengikut teori evolusi). Kepercayaan yang terpesong ini telah menyebabkan kehancuran banyak perkahwinan di seluruh dunia, terutamanya di negara yang lebih maju.

Mengapakah begitu? Ini kerana jika kita percaya akan hipotesis ini, kita akan berpisah atau bercerai sahaja memandang pasangan kita telah menghalang atau

mengekang hidup kita. Malangnya, anak-anak pasangan yang bercerai kerap kali dibiarkan sendirian untuk mengurus diri sendiri. Dan tragedi ini akan berulang. Anak yang mengalami luka yang belum sembuh akan membesar untuk menjadi orang dewasa yang masih luka dan mengulangi kesilapan yang dilakukan oleh ibu bapa mereka. Mereka tidak dapat membantu diri sendiri walaupun mereka tahu bahawa mereka menjadi mangsa sebelum ini.

Bantuan luaran diperlukan untuk orang dewasa yang menjadi mangsa penganiayaan semasa zaman kanak-kanak.

Jika kamu sedar akan cabaran ini dalam keluarga kamu, berdoalah dan carilah bantuan untuk ibu bapa, adik-beradik dan diri kamu.

Tanpa kasih kurnia Tuhan,
apakah yang akan terjadi kepada kita?

Walau bagaimanapun, bangsa-bangsa di Asia masih ada kesempatan untuk menyekat pengaruh ini biarpun masa semakin suntuk. Oleh itu, ikrar perkahwinan perlu dibaharui dengan segera. Jangan menunggu sampai lebih banyak perkahwinan hancur/berakhir dan bilangan anak yang luka bertambah, barulah kita cuba membuat kerja pemulihan yang mustahil dilakukan seperti di Barat. "Pencegahan lebih baik daripada pengubatan" masih benar pada abad ke-21 ini.

Masa Keibubapaan Kita

- Ibu bapa ialah wakil Allah untuk menyampaikan kebenaran dan kasih kurnia-Nya kepada generasi yang seterusnya.
- Namun begitu, ibu bapa yang pertama (Adam dan Hawa) gagal berbuat demikian. Sebab itulah semua keibubapaan (iaitu peranan menjadi ibu dan bapa) terjejas sejak itu.
- Allah mahu menebus keibubapaan supaya setiap generasi yang akan datang semakin menunjukkan kebenaran dan kasih kurnia Tuhan.

Marilah kita teruskan...

Kerjaya Kita

- Orang muda (bahkan orang yang lebih tua) keliru tentang maksud pekerjaan dan kerjaya. Oleh itu, mereka mencari pekerjaan yang dapat memberi mereka suatu perasaan bagus/selesa dan betul. Mereka mahu berbuat baik.
- Golongan profesional yang bekerja berlebihan, letih dan hampa amat menyedihkan; khususnya dalam tempoh pengangguran yang panjang di negara tertentu disebabkan faktor luaran dan dalaman. Mengapa harus terlalu memilih pekerjaan selagi kamu dapat mencari rezeki untuk keluarga?
- Sementara itu, hubungan kekeluargaan diabaikan. "Tiada masa untuk bercakap dengan lemah lembut,

kerja diutamakan...demi kebaikan kalian, kamu tahu bahawa... saya melayani Tuhan di tempat kerja dan di gerejalah!”

- Tidak terlalu awal bagi kamu berfikir untuk membuat persediaan tentang kerjaya termasuk perkahwinan dan keibubapaan meskipun kamu mungkin terus membujang atau tidak mempunyai anak kelak. Perjalanan sebagai anak Tuhan merupakan satu perjalanan jarak jauh, tetapi kita juga harus melakukan yang terbaik dalam tindakan jarak dekat. Kedua-dua perspektif adalah perlu untuk menjalani hidup yang melimpah dalam Kristus.



Peringkat Hidup Kita

- Di mana-mana peringkat kamu berada sebagai seorang yang membesar dan berubah dalam sejarah peribadi kamu, membawa pengaruh yang besar terhadap pemikiran, kata dan perlakuan kamu.
- Oleh itu, kamu perlu berusaha (perkataan itu mungkin meluat kepada remaja yang cuai ... seperti disiplin) untuk mengenal pasti tempat kamu dalam sejarah.

Perkara ini akan memberi kamu semangat persaudaraan, rasa memiliki dan arah tuju untuk menghadapi hari-hari yang tidak pasti ...tiada motivasi untuk melakukan apa-apa...tertekan ... berasa murung dan hampa.

Bacalah “Lapan Peringkat Kehidupan Manusia” untuk menghiburkan anda dan merasa pasti kedudukan anda dalam sejarah keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan dunia ini. Tiada apa-apa yang diserahkan kembali kepada Allah tidak berguna kepada-Nya. Allah adalah pakar dalam memulihkan manusia.

Harapan masih ada! Roman 8

Kita akan berjumpa lagi dalam tujuh belas buku kecil yang seterusnya. Semua buku kecil ini ditulis untuk generasi saya dan kamu...



Shalom!

Dengan ingatan mesra daripada

Aunty Bee Teik

Lain-lain tajuk dalam Siri Bimbingan Remaja ini:

1. Surat Kepada Remaja
2. Masa Remaja
3. Memahami Seksualiti Manusia
4. Memahami Masalah Ketagihan
5. Remaja Yang Terlupakan
6. Remaja Lintas Budaya
7. Kebebasan & Keakhlakan
8. Perasaan & Emosi
9. Mengetahui & Melakukan Kehendak Tuhan
10. Lapan Peringkat Kehidupan Manusia
11. Lidah & Bahasa
12. Perwatakan & Personaliti
13. Pengurusan Stress
14. Memahami Kemurungan
15. Memahami Kelesuan Emosi
16. Membujang
17. Rahsia Perkahwinan & Kekeluargaan
18. Kaunseling Perkahwinan



“Didiklah orang muda
menurut jalan yang patut baginya,
maka pada masa tuanya pun
dia tidak akan menyimpang
Dari pada jalan itu”.
(Amsal 22:6)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan.

Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.